



15 JAN, 2024

Taktik seludup dadah guna kurier terbongkar

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Taktik seludup dadah guna kurier terbongkar

KOTA BHARU - Taktik menggunakan perkhidmatan kurier untuk menyeludup dadah berjaya ditumpaskan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) Kelantan pada Khamis.

Bertindak atas maklumat awam, Bahagian Penguatkuasaan Kastam membuat pemeriksaan ke atas dua bungkusan plastik berwarna putih di sebuah premis kurier di Rantau Panjang pada jam 10 pagi.

Pengarahnya, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, pemeriksaan yang dijalankan membawa kepada rampasan 1,490.39 gram ketulan mampat daun ganja

dan 168 biji methamphetamine.

“Nilai terlibat untuk kedua-dua rampasan adalah berjumlah RM5,853.09. Berdasarkan jumlah berat dadah yang diperolehi, rampasan ini berjaya menghalang ia diedarkan kepada lebih 7,000 penagih dadah,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, modus operandi yang digunakan adalah membawa masuk dagangan tersebut melalui pangkalan-pangkalan haram yang terletak di pesisir sungai dan menggunakan perkhidmatan kurier untuk dihantar kepada pelanggan mengikut tempahan.



Kastam Kelantan berjaya membongkar taktik menyeludup dadah menggunakan perkhidmatan kurier di Rantau Panjang pada Khamis.



15 JAN, 2024

Taktik seludup dadah guna kurier terbongkar

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA BHARU - Taktik menggunakan perkhidmatan kurier untuk menyeludup dadah berjaya ditumpaskan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) Kelantan pada Khamis. Bertindak atas maklumat awam, Bahagian Penguatkuasaan Kastam membuat pemeriksaan ke atas dua bungkusan plastik berwarna putih di sebuah premis kurier di Rantau Panjang pada jam 10 pagi. Pengarahnya, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, pemeriksaan yang dijalankan membawa kepada rampasan 1,490.39 gram ketulan mampat daun ganja dan 168 biji methamphetamine.